

Sejarah
Kertas 1
September
2012
1 Jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2012

SEJARAH

Kertas 1

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satut jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.

Kertas soalan ini mengandungi 16 halaman bercetak




1

Masyarakat di Lembah Indus mempunyai pengkhususan pekerjaan

Siapakah yang ditugaskan untuk menghasilkan barang logam dan barang tembikar ?

- A Pendeta dan pedagang
 - B Petani
 - C Artisan
 - D Hamba
- 2 Konsep Feng Hsui merupakan antara kepercayaan yang masih terdapat dalam masyarakat China mempunyai kaitan dengan falsafah X .



- Berlandaskan falsafah alam semesta
- Merujuk hubungan antara manusia dengan alam sekitar
- Bagaimana manusia boleh hidup secara harmoni dengan alam sekitar

Falsafah X merujuk kepada

- 
- A Taoisme
 - B Legalisme
 - C Confucianisme
 - D Komunisme

3 Mengapa ramai rakyat Yunani berpindah ke tempat-tempat lain pada zaman Graeco-Rom pada tahun 300 S.M ?

- I Cukai
 - II Peperangan
 - III Perdagangan
 - IV Kenaikan harga barang
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Senarai berikut merujuk kepada sumbangan Tamadun China.

Kolar kuda
Sistem penanaman secara bergilir

4 Apakah kepentingan penciptaan di atas kepada Tamadun China ?

- A Menjimatkan masa, wang dan tenaga kerja
- B Mewujudkan industri membuat kereta kuda
- C Memajukan bidang pertanian
- D Meminimakan kos

5 Jadual di bawah merujuk kepada kewujudan kerajaan agraria awal di Asia Tenggara.

Kerajaan Agraria Awal	Negeri
Sailendra	X
Angkor	Kemboja
Sukhotai	Thailand

Di manakah X ?

- 
- A Tanah Melayu
 - B Jawa Tengah
 - C Thailand
 - D Borneo

- 6 Bagaimanakah pengaruh Hindu dan Buddha disebarluaskan ke Asia Tenggara berdasarkan penemuan artifak berikut.

Penemuan
Arca dengan ikatan tali kulit harimau

- A Peranan pendeta
B Penglibatan pedagang
C Penyebaran oleh tentera
D Penyesuaian dengan budaya tempatan
- 7 Siapakah yang mempunyai perkaitan yang sangat rapat dengan sejarah kewujudan telaga zamzam ?
- A Nabi Ismail
B Nabi Ibrahim
C Nabi Ishak
D Nabi Muhamad s.a,w
- 8 Rajah berikut menunjukkan bentuk seksaan yang telah dilakukan oleh masyarakat Arab Quraisy terhadap penganut Islam.

Bilal bin Rabah
↓
<ul style="list-style-type: none">• Dijemur• Diselar dengan besi panas• Ditindih dadanya dengan batu

Siapakah yang telah membeli Bilal bin Rabah daripada tuannya, Umayyah?

- 
- A Abu Bakar al-Siddiq
B Umar al-Khattab
C Usman bin Affan
D Ali bin Abi Talib


9 Dimanakah tempat termeterainya perjanjian antara Nabi Muhamad s.a.w dengan orang Madinah sebelum hijrah.

- A Hudaibiyah
- B Habsyah
- C Aqabah
- D Hijaz

10 Bagaimakah Piagam Madinah mampu melahirkan masyarakat harmoni dan bersatu padu?

- A Konsep perpaduan ummah
- B Kebebasan mengamalkan adat istiadat
- C Jaminan keselamatan kepada orang bukan Islam
- D Larangan mengaut keuntungan dalam perniagaan

11 Rajah di bawah merujuk kepada tugas khalifah.



Apakah maksud kharaj?



- A Cukai hasil tanah yang dikenakan kepada bukan muslim
- B Cukai hasil tanah yang dikenakan kepada orang muslim
- C Cukai terhadap individu bukan Islam yang berlindung di negara Islam
- D Cukai terhadap harta dan tanaman orang Islam

12

“...Demi Allah, akan kubawa umatku ke jalan yang lurus dan selamat.”

Petikan di atas merupakan pidato awal Khalifah Q selepas dilantik menjadi khalifah. Siapakah Q ?

- A Umar al-Khattab
- B Ali bin Abu Talib
- C Uthman bin Affan
- D Abu Bakar as-Siddiq

13 Pernyataan berikut berkaitan bukti kedatangan Islam.


Perkampungan Ta Shih di
Sumatera Utara

Perkampungan tersebut membuktikan Islam berkembang menerusi

- A pendidikan
- B penaklukan
- C perdagangan
- D perkahwinan



14



Baitulmal telah diperkenalkan di Aceh oleh Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam.

Sumber Baitulmal diperoleh daripada ...

- I pendapatan daripada riba
- II derma daripada bukan Islam
- III sumber daripada zakat fitrah
- IV pelaburan dalam saham

A I, dan II

C II dan III

B I, dan IV

D III dan IV

15 Maklumat berikut berkaitan pengaruh Islam di Tanah Melayu.

- | |
|-------------------|
| Tuk Pulau Manis |
| Tuk Pulau Condong |
| Tuan Tabal |

Apakah peranan tokoh-tokoh di atas dalam kerajaan negeri Kelantan dan Terengganu?

- 
- A bertindak sebagai penasihat kepada sultan
 - B menjalankan tugas sebagai tok penggawa
 - C menguruskan pentadbiran peringkat jajahan
 - D menasihati sultan dalam hal-hal duniaawi

16

Kesan kedatangan Islam terhadap ekonomi

↓
Perdagangan
Mata Wang
Percukaian

Apakah bukti yang menunjukkan kepesatan aktiviti perdagangan di pelabuhan Melaka ?

- I Kesukaran kapal untuk berlabuh
 - II Wujudnya perkampungan pedagang asing
 - III Terdapat lebih 84 bahasa dipertuturkan
 - IV Pengenalan Undang-Undang Laut Melaka
-
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

17

Zaman Renaissance

↓
* Politik
* Ekonomi
* Sosial

Rajah di atas menunjukkan tiga kesan terhadap manusia pada Zaman Renaissance.

Apakah pengajaran yang dipelajari daripada Zaman Renaissance?

- A Kita perlu sentiasa berubah
- B Kita harus bersikap sederhana
- C Kita mesti bersifat inkuiri untuk berjaya
- D Kita mesti mengutamakan pengajaran agama

18 Apakah punca berlakunya Pergerakan Luddite di Britain pada awal abad ke -19?

- A Menuntut kenaikan gaji
- B Membantah penggunaan mesin
- C Melarang majikan membuka kilang baru
- D Meminta wanita bekerja di lombong arang batu

19 Rajah di bawah menunjukkan aktiviti perlombongan yang diusahakan oleh orang Melayu di Tanah Melayu.

Perlombongan X	➡	<ul style="list-style-type: none">• Lombong terawal terdapat di Kuala Selinsing, di Sungai Jelai Pahang• Menggunakan kaedah mendulang atau melampau• Diusahakan secara komersial di Raub Pahang• Juga dilombong di Bau Sarawak pada tahun 1820-an
----------------	---	--

Perlombongan X merujuk kepada

- A Perlombongan bijih timah
- B Perlombongan antimonoi
- C Perlombongan petroleum
- D Perlombongan emas


20 Penubuhan Maktab Perguruan Sultan Idris (MPSI) pada tahun 1922

adalah bertujuan untuk

- A menjadi institusi lanjutan sekolah rendah anak-anak Melayu
- B membebaskan kawalan British terhadap pendidikan rendah
- C mengalihkan perhatian masyarakat kepada bidang pendidikan
- D meningkatkan golongan elit dalam pendidikan vernakular Melayu



21 Rajah di bawah merujuk pentadbiran Sepanyol di Filipina



Mengapa rakyat Filipina menentang sistem tersebut ?

- A Perubahan hak milik tanah
- B Pelaksanaan kerahan tenaga
- C Pengenalan pendidikan moden
- D Pemusatan pentadbiran tradisional

22 Senarai berikut adalah novel yang dihasilkan di Tanah Melayu awal 1920-an dan awal 1930-an

- Anak Mat Lela Gila
- Putera Gunung Tahan

Apakah isu yang diperjuangkan oleh penulis dalam novel tersebut ?

- A Menghargai tokoh agama
- B Membela maruah bangsa
- C Mengutamakan pendidikan
- D Menyeru perpaduan orang Melayu



- 23 Maklumat berikut merujuk kepada penubuhan persatuan oleh cerdik pandai Pulau Pinang.

Tahun	Penubuhan
1934	Persatuan Sahabat Pena Malaya (PASPAM)

Apakah kepentingan penubuhan persatuan di atas ?

- A Menggalakkan perpaduan dan persaudaraan orang Melayu
B Memperjuangkan nasib golongan penulis
C Menjaga kepentingan pembesar tempatan
D Menggerakkan aktiviti menuntut kemerdekaan
- 24 Apakah yang menentukan sempadan kerajaan semasa zaman Kesultanan Melayu Melaka ?

- A Kesetiaan rakyat
B Keluasan wilayah
C Kebijaksanaan raja
D Kekuatan menakluk

- 25 Bagaimanakah Sultan Muhammad II melicinkan pentadbiran dan pemerintahan Kelantan ?

- A Membentuk perlembagaan bertulis
B Memperkenal Sistem Jemaah Menteri
C Melaksanakan pemerintahan demokrasi
D Melantik golongan pembesar bergelar Tengku



26 Kumpulan Melayu radikal menyokong konsep Malayan Union kerana

- A pengekalan sistem feudal Melayu
- B pengamalan dasar sama rata Malayan Union
- C peningkatan ekonomi penduduk tempatan
- D pembentukan negara bangsa yang moden

27 Pemimpin tempatan menentang penyerahan Sarawak oleh Vyner Brooke kepada British kerana

- I tidak diajak berunding
- II kehilangan pengaruh politik
- III rakyat tidak dilibatkan dalam pentadbiran
- IV bercanggah dengan Perlembagaan 1941

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

28 Apakah kepentingan Sistem Ahli kepada Persekutuan Tanah Melayu ?

- I Dekolonisasasi British
- II Proses perpaduan kaum
- III Melatih penduduk tempatan
- IV Hindar pengaruh komunis

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 29 Jadual berikut menunjukkan keputusan Pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan 1955 .

Pilihanraya Majlis Perundangan Persekutuan 1955		
Parti bertanding	Jumlah kerusi dipertandingkan	Jumlah kerusi dimenangi
Parti Perikatan	52	51
PAS	11	1

Apakah faktor kemenangan Parti Perikatan ?

- A Matlamat manifesto jelas
B Mempunyai sumber kewangan
C Memperjuangkan persamaan hak
D Mengadakan kerjasama dengan penjajah

- 30 Matlamat penubuhan Suruhanjaya Reid dibentuk pada tahun 1956 adalah untuk

- A menyusun perlumbagaan
B meninjau sokongan rakyat
C merangka sistem pendidikan
D mengkaji sistem pentadbiran

- 31 Mengikut Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957, rakyat tempatan diberi kuasa mutlak dalam mentadbir negara.



Bagaimanakah pernyataan di atas dapat dibuktikan?

- A Meniru sistem pentadbiran barat sebagai rujukan
B Melalui sistem pilihanraya, rakyat memilih pemimpin
C Sistem pentadbiran negara dilakukan oleh orang tempatan
D Sistem pentadbiran negara merdeka mengikut acuan tersendiri

32 Apakah harapan Tunku Abdul Rahman terhadap penubuhan Malaysia?

- A Ekonomi bertambah maju
- B Mewujudkan kestabilan politik
- C Perpaduan di kalangan negara-negara
- D Bebas daripada pengaruh kuasa besar

33 Dalam usaha membentuk Malaysia, Lee Kuan Yew berminat untuk bergabung kerana

- I ancaman komunis
 - II kebangkitan Barisan Sosialis
 - III kestabilan politik serantau
 - IV ancaman penjajahan bentuk baru
-
- A I dan II C III dan IV
 - B II dan III D I dan IV

*Bertanggungjawab mengkaji dan memuatkan tuntutan
20 perkara ke dalam Perlembagaan Malaysia*

34 Maklumat di atas merujuk kepada

- A Jawatankuasa Antara Kaum
- B Jawatankuasa Antara Kerajaan
- C Jawatankuasa Tuntutan 20 Perkara
- D Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Kaum



35 Manakah antara berikut merupakan peranan Jemaah Menteri dalam pentadbiran negara?

- A Menggubal undang-undang
- B Melaksanakan undang-undang
- C Membuat dasar tertinggi negara
- D Menguatkuasakan keputusan mahkamah

36 Apakah iktibar daripada peristiwa 13 Mei 1969?

- A Kepentingan ekonomi negara
- B Kepentingan ilmu pengetahuan
- C Kepentingan perpaduan kaum
- D Kepentingan perancangan teliti

Dasar Kebudayaan Kebangsaan

- Islam sebagai unsur terpenting
- Kebudayaan Melayu sebagai tunjang
- X

37 Apakah X?

- A Penerapan nilai-nilai murni
- B Nilai-nilai budaya asing diterima
- C Kebudayaan lain yang sesuai diterima
- D Unsur kepercayaan dan agama lain diterima



38 Mengapakah setiap rakyat Malaysia perlu menghadapi dan mengatasi sembilan cabaran dalam wawasan 2020?

- A Mempertahankan kedaulatan negara
- B Melaksanakan tanggungjawab warganegara
- C Menjadikan Malaysia negara industri yang maju
- D Mewujudkan semangat berdikari dalam kalangan warganegara

39 Apakah kesan Perang Dunia Kedua ke atas tanah jajahan Barat?

- A Memberi peluang menjajah semula
- B Menanggung perbelanjaan peperangan
- C Menghadapi peperangan sesama sendiri
- D Mencapai kemerdekaan daripada penjajah

40 Koridor Raya Multimedia (MSC) merujuk pada sebuah kawasan yang mencakupi

- A kawasan pentadbiran Putrajaya
- B negeri-negeri di sebelah Lembah Kelang
- C Putrajaya hingga Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur
- D Kuala Lumpur City Center hingga Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur



KERTAS SOALAN TAMAT

1249/2
Sejarah
Kertas 2
September
2012
2 ½ jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2012
SEJARAH
Kertas 2
Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI
SEHINGGA DIBERITAHU.

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B*
2. *Jawab semua soalan dalam Bahagian A dan tiga soalan dalam Bahagian B.*
3. *Jawapan Bahagian A hendaklah ditulis di dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan*
4. *Jawapan Bahagian B hendaklah ditulis pada kertas jawapan berasingan yang disediakan.*
5. *Kertas soalan ini hendaklah diikat dan dihantar bersama kertas jawapan Bahagian B.*


Untuk Kegunaan Pemeriksa		
Bahagian	Soalan	Markah
A	1	
	2	
	3	
	4	
B	5	
	6	
	7	
	8	
	9	
Jumlah		



Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak.

Bahagian A (40 markah)

Jawab Semua Soalan



1. (a) Senaraikan tiga pengaruh Hindu Buddha yang terdapat dalam sistem pemerintahan kerajaan awal di Asia Tenggara.

- i)
ii)
iii).....

(3 markah)

- (b) Berikan dua kesusasteraan India yang menyumbang kepada unsur mitos yang terdapat dalam kesusasteraan klasik Asia Tenggara.

- i)
ii).....

(2 markah)

- (c) Nyatakan dua kepentingan bahasa Sanskrit dalam kerajaan awal.

- i)
ii)

(2 markah)

- (d) Pada pendapat anda, bagaimanakah kita dapat mengasimilasikan kepelbagaiannya budaya ini dalam membentuk bangsa Malaysia yang disegani dunia.



- ii)
iii).....

(3 markah)

Kedatangan Islam ke Asia Tenggara telah mencorakkan kehidupan baru yang berbeza daripada zaman sebelumnya yang merangkumi aspek pemerintahan, perundangan dan ekonomi.

2. (a) Namakan dua buah kerajaan Islam yang telah mewariskan institusi kesultanan yang diamalkan di Asia Tenggara.

i)

ii) (2 markah)

- (b) Senaraikan tiga nama petugas yang berperanan penting dalam memantapkan pemerintahan sultan di Asia Tenggara.

i)

ii)

iii) (3 markah)

- (c) Nyatakan dua bidang kehidupan yang menggunakan undang-undang syariah dalam menjamin kesejahteraan rakyat dan negeri.

i)

ii) (2 markah)

- (d) Pada pendapat anda, mengapakah Islam menggalakkan amalan berjimat cermat dalam kehidupan kita?

i)

ii)

iii) (3 markah)



3.

Gerakan Islah ditubuhkan di Tanah Melayu pada awal abad ke-20

(a) Apakah maksud Gerakan Islah?

.....
.....
.....

(1 markah)

(b) Namakan dua akhbar yang menjadi saluran perjuangan gerakan tersebut.

i)
ii)

(2 markah)

(c) Apakah saranan-saranan yang dikemukakan oleh Gerakan Islah?

i)
ii)

iii)

(3 markah)

(d) Senaraikan dua halangan yang dihadapi oleh gerakan ini dalam perjuangannya.

i)
ii)

(2 markah)

(e) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah bidang pendidikan diberikan tumpuan oleh Gerakan Islah?

i)
ii)

(2 markah)



4. Rajah berikut menunjukkan antara langkah untuk mewujudkan perpaduan kaum dari aspek pembangunan sosial.



(a) Berikan **tiga** langkah yang dilaksanakan untuk memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

- i)
ii)
iii) (3 markah)

(b) Nyatakan **dua** prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan

- i)
ii) (2 markah)

(c) Bagaimanakah sukan boleh berperanan ke arah memupuk perpaduan kaum di negara kita.

- i)
ii) (2 markah)

(d) Apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk menggalakkan aktiviti sukan dalam kalangan rakyat negara ini.

- i)
ii)
iii) (3 markah)



Bahagian B
(60 markah)
Jawab tiga soalan sahaja.

5.

Peristiwa Hijrah berlaku pada 1 Rabiulawal bersamaan 12 September tahun 622 Masihi.

- (a) Jelaskan faktor-faktor hijrah (8 markah)
(b) Kepentingan hijrah kepada peradaban dunia. (6 markah)
(c) Pada pendapat anda mengapakah berlakunya penghijrahan golongan muda dari luar bandar ke bandar? (6 markah)

6.

Ketika Islam dan umatnya mencapai kegemilangan,dunia Eropah mengalami zaman kemerosotan yang dikenali sebagai Zaman Gelap.


- (a) Apakah ciri-ciri Zaman Gelap di Eropah? (8 markah)
(b) Jelaskan perubahan yang berlaku pada Zaman Kemuncak Pertengahan. (7 markah)
(c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda,nyatakan persamaan masyarakat feudal di Eropah dengan masyarakat Melayu tradisional. (5 markah)
- 7 (a) Jelaskan perubahan konsep kerajaan dan negeri masyarakat Melayu kesan daripada penjajahan Barat (4 markah)
(b) Terangkan ciri-ciri Negara dan bangsa yang kita amalkan pada hari ini. (8 markah)
(c) Pada pendapat anda, bagaimanakah hasrat membentuk negara dan bangsa berteraskan 1 Malaysia boleh dicapai. (8 markah)

8. Senarai berikut menunjukkan faktor-faktor pembentukan Malaysia.

Politik
Ekonomi
Sosial

- (a) Terangkan faktor-faktor pembentukan Malaysia (8 markah)
Jelaskan reaksi negara-negara berikut terhadap gagasan Malaysia
i. Persekutuan Tanah Melayu (4 markah)
ii. Filipina (3 markah)
Apakah kebaikan penubuhan Malaysia kepada rakyat hari ini. (5 markah)
- 

9. Rajah berikut menunjukkan bentuk hubungan luar Malaysia.



- (a) Terangkan bentuk hubungan luar yang diamalkan di Malaysia. (5 markah)
- (b) Terangkan faktor-faktor yang menjadi asas kepada penggubalan dasar luar Malaysia. (9 markah)
- (c) Sebagai generasi pewaris bangsa bagaimanakah anda mahu mengekalkan kecemerlangan negara Malaysia? (6 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT



**PERATURAN PEMARKAHAN SEJARAH KERTAS 1 (1249 /1)
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM TAHUN 2012**

No. Soalan	Cadangan jawapan	Tingkatan	M/S
1	C	4	26
2	A	4	33
3	B	4	51
4	C	4	52
5	B	4	75
6	D	4	84
7	A	4	103
8	A	4	110
9	C	4	118
10	A	4	128
11	A	4	144
12	A	4	146
13	C	4	176
14	D	4	191
15	A	4	197
16	D	4	209
17	C	4	219
18	B	4	236
19	D	4	250
20	A	4	265
21	B	5	9
22	B	5	53
23	A	5	55
24	A	5	65
25	B	5	82
26	B	5	100
27	B	5	110
28	C	5	119
29	A	5	122
30	A	5	125
31	D	5	130
32	B	5	138
33	A	5	139
34	B	5	150
35	C	5	173
36	C	5	210
37	C	5	217

38	C	5	219
39	D	5	234
40	D	5	261

Skema Jawapan Percubaan Sejarah SPM 1249/2 2012

No Soalan		Markah
1(a)	Senaraikan tiga pengaruh Hindu Buddha yang terdapat dalam sistem pemerintahan kerajaan awal di Asia Tenggara F1 gelaran raja F2 raja di puncak pemerintahan F3 di bawahnya ada kerabat diraja F4 pembesar(termasuk ahli agama iaitu Brahmin) F5 raja berkuasa mutlak F6 perintah raja adalah undang-undang F7 sesiapa yang langgar perintah dianggap derhaka. F8 raja dikehendaki adil kapada golongan yang diperintah F9 raja dianggap bayangan tuhan (dewa raja) F10 raja dianggap memiliki kesaktian (metos dan legenda tentang asal-usul raja untuk memperkuatkan kedudukan) F11 adat-istiadat pertabalan raja yang dipimpin oleh Brahmin. F12 raja akan mendirikan kompleks kota yang melambangkan konsep alam semesta atau orde kosmos.	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 (Max 3M)
(b)	Berikan dua kesusastraan India yang menyumbang kepada unsur mitos yang terdapat dalam kesusastraan klasik Asia Tenggara F1 Kitab Ramayana F2 Kitab Mahabhrata	1 1 (2M)
(c)	Nyatakan dua kepentingan bahasa Sanskrit dalam kerajaan awal F1 Menulis batu bersurat F2 menulis kitab-kitab agama F3 mendalami ajaran Hindu dan Buddha F4 menulis kesusastraan F5 mempelajari ilmu F6 menjadi bahasa komunikasi kerajaan/diplomatik F7 menulis hal-hal agama F8 mencatat doa F9 mencatat salasilah raja F10 merekod urusan pentadbiran	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 (2 M)
(d)	Pada pendapat anda,bagaimanakah kita dapat mengasimilasikan kepelbagaiannya budaya ini dalam membentuk bangsa Malaysia yang disegani dunia. F1 membentuk satu budaya kebangsaan F2 bersikap terbuka F3 bertolak ansur F4 saling memahami F5 saling menghormati antara budaya	1 1 1 1 1

	F6 sedia menerima teguran dengan hati terbuka F7 sedia menerima perubahan baru F8 menyambut semua perayaan bersama-sama F9 konsep rumah terbuka F10 saling mengunjung (Terima mana-mana yang munasabah)	1 1 1 1 1 1 (max 3M)
2(a)	Namakan dua buah kerajaan Islam yang telah mewariskan institusi kesultanan yang diamalkan di Asia Tenggara. F1 Kerajaan Abbasiyah F2 Kerajaan Turki Uthmaniyyah	1 1 (2 m)
(b)	Senaraikan tiga nama petugas yang berperanan penting dalam memantapkan pemerintahan sultan di Asia Tenggara. F1 Mufti F2 kadi F3 khatib F4 bilal F5 pemungut zakat F6 penyelia baitulmal F7 penjaga harta wakaf	1 1 1 1 1 1 1 (mak=3m)
(c)	Nyatakan dua bidang kehidupan yang menggunakan undang-undang syariah dalam menjamin kesejahteraan rakyat dan negeri. F1 jenayah(mencuri/membunuh) F2 urusan pernikahan F3 perniagaan F4 pembahagian harta pusaka	1 1 1 1 (mak=2m)
(d)	Pada pendapat anda, mengapakah Islam menggalakkan amalan berjimat cermat dalam kehidupan kita? F1 mengelakkan pembaziran F2 mengelakkan sifat boros F3 dapat digunakan semasa kecemasan F4 dapat menabung (Terima mana-mana yang munasabah)	1 1 1 1 (mak=3m)

3(a)	Apakah maksud Gerakan Islah? Gerakan yang berusaha mendorong masyarakat Melayu supaya membentulkan pandangan mereka terhadap Islam.	1 (1m)
(b)	Namakan dua akhbar yang menjadi saluran gerakan tersebut F1 Al-Imam F2. Neracha F3 Idaran Zaman	1 1 1 (mak=2m)
(c)	Apakah saranan-saranan yang dikemukakan oleh Gerakan Islah? F1 menjana ajaran Islam dari sudut kemajuan dunia, F2 gesaan memajukan ekonomi,pendidikan,politik dan sosial orang Melayu F3 Sikap mengkritik penjajah ke dalam fikiran orang Islam. F4 Mereka juga mengkritik raja dan pembesar Melayu yang tidak berperanan penting dalam memajukan orang Melayu F5 menubuhkan beberapa buah madrasah F6 mementingkan pendidikan untuk dunia dan akhirat F7 mementingkan fardhu ain, F8 mementingkan Ilmu Hisab, F9 mementingkan bahasa Inggeris F10 gesaan anak perempuan dihantar ke sekolah F11 bijak dalam perniagaan	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 (mak=2m)
(d)	Senaraikan dua halangan yang dihadapi oleh gerakan ini dalam perjuangannya. F1 ditentang oleh Kaum Tua F2 beberapa undang-undang telah dikeluarkan di NNM bagi menghalang pengaruh Kaum Muda. F3 tidak membenarkan sebarang kegiatan dakwah Islam tanpa kebenaran sultan F4 Risalah dan buku Kaum Muda juga tidak dibenarkan di bawa masuk ke NNM.	1 1 1 1 (mak=2m)
(e)	Berdasarkan pengetahuan sejarah anda,mengapakah bidang pendidikan diberikan tumpuan oleh Gerakan Islah? F1 Dapat meningkatkan taraf hidup F2 dapat menambah ilmu pengetahuan F3 dapat melahirkan golongan intelek (Terima mana-mana yang munasabah)	1 1 1 (mak=2m)

4(a)	<p>Berikan tiga langkah yang dilaksanakan untuk memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan</p> <p>F1 Akta Bahasa Kebangsaan diluluskan pada tahun 1967 F2 1970,bahasa pengantar di sekolah rendah Inggeris telah ditukarkan kepada bahasa kebangsaan secara berperingkat-peringkat. F3 1977,UKM ditubuhkan yang membuktikan BM boleh menjadi bahasa Ilmu F4 1982,BM menjadi bahasa pengantar disemua sekolah menggantikan BI F5 1990,BM mula digunakan di mahkamah. F6 pelancaran Minggu Bahasa,Bulan Bahasa F7 Slogan Bahasa Jiwa Bangsa F8 penubuhan sekolah yang menggunakan BM</p>	1 1 1 1 1 1 1 1 (mak=3m)
(b)	<p>Nyatakan dua prinsip utama Dasar Kebudayaan Kebangsaan</p> <p>F1 kebudayaan rakyat asal rantau Melayu sebagai tunjang. F2 unsur-unsur kebudayaan lain yang wajar dan sesuai boleh diterima F3 Islam unsur penting</p>	1 1 1 (mak=2m)
(c)	<p>Bagaimanakah sukan boleh berperanan ke arah memupuk perpaduan kaum di negara kita.</p> <p>F1 Sukan sebagai alat perpaduan tanpa mengira ideologi F2 Sukan tidak mengehadkan penyertaan kepada sesuatu kaum sahaja F3 membuka peluang seluas-luasnya bagi mereka yang berminat</p>	1 1 1 (mak=2m)
(d)	<p>Apakah langkah-langkah yang perlu diambil untuk menggalakkan aktiviti sukan dalam kalangan rakyat negara ini.</p> <p>F1 mengadakan karnival sukan F2 menyediakan hadiah yang lumayan F3 membeli peralatan sukan F4 ibubapa menggalakkan anak-anak untuk bersukan (mana-mana yang munasabah)</p>	1 1 1 1 (mak=3m)

	Jelaskan faktor-faktor hijrah	
5(a)	F1 perintah Allah menerusi wahyu	1
	F2 Perintah ini berasaskan surah al-Anfal telah mempercepatkan penghijrahan Nabi Muhammad	1
	F3 niat dan pakatan orang Quraisy untuk membunuh nabi	1
	F4 meneruskan penyebaran Islam(strategi)	1
	F5 Di Makkah,ancaman daripada orang Arab Quraisy telah menjelaskan aktiviti penyebaran Islam	1
	F6 suasana aman di tempat baru akan memudahkan lagi penyampaian dakwah Islamiah	1
	F7 membolehkan sebuah masyarakat Islam yang bersatu padu dan sempurna dapat diwujudkan	1
	F8 jemputan dari masyarakat Arab Madinah yang sedang menghadapi pelbagai konflik	1
	F9 suku Aus dan Khazraj sering bertelaah sesama sendiri	1
	F10 ekonomi mereka pula dikuasai oleh orang Yahudi	1
	F11 memerlukan pemimpin yang berkaliber	1
	F12 untuk mendamaikan masyarakat Madinah yang sentiasa bermusuhan.	1
		(8 markah)
(b)	Kepentingan hijrah kepada peradaban dunia	
	F1 Hijrah mempunyai nilai yang sangat penting kepada peningkatan tamadun masyarakat Arab	1
	F2 selepas hijrah dakwah Islamiah dapat dilaksanakan dengan aman tanpa berselindung lagi.	1
	F3 mendamaikan suku Arab di Madinah yang sering bersengketa	1
	F4 menjalinkan hubungan persaudaraan antara orang Islam Makkah dengan orang Islam Madinah	1
	F5 hijrah dapat menyatupadukan penduduk Madinah yang terdiri daripada pelbagai suku,budaya dan agama	1
	F6 rasulullah telah membina masjid iaitu Masjid al-Nabawi yang dijadikan tempat beribadat dan belajar di samping tempat untuk bertemu dan membincang	1
	F7 wujud kiraan tahun hijrah dalam takwim Islam	1
	F8 nama Yathrib ditukarkan kepada Madinah al-Munawarah	1
	F9 hijrah juga menunjukkan sikap toleransi kaum dan tolong-menolong boleh melahirkan masyarakat cemerlang	1
	F10 hijrah berjaya dengan sokongan dan pengorbanan sahabat-sahabat rasulullah	1
	F11 hijrah juga memperlihatkan kaum wanita juga dapat memainkan peranan penting seperti puteri Abu Bakar al-Siddiq,Asma	1
	F12 hijrah menunjukkan ketabahan hati dan kebesaran jiwa Nabi Muhammad yang sanggup berkorban dan meninggalkan kesenangan hidup demi memperjuangkan Islam	1
	F13 hijrah menampakkan kebijaksanaan Nabi Muhammad dalam mengatur strategi perjuangan	1

	<p>F14 baginda merancang penubuhan sebuah negara Islam di Madinah dengan sebuah perlembagaan yang dinamai Perlembagaan Madinah.</p> <p>(c) Pada pendapat anda mengapa berlakunya penghijrahan golongan muda dari luar bandar ke bandar?</p> <p>Faktor Menolak</p> <p>F1 kurang peluang pekerjaan atau kehilangan pekerjaan menimbulkan masalah pengangguran 1 F2 mencari pekerjaan kerana jenis pekerjaan di luar bandar terhad 1 F3 pendapatan pertanian kurang dan tidak tetap 1 F4 masalah kekurangan perkhidmatan sosial dan kemudahan awam - perkhidmatan perubatan, pendidikan, dan bekalan air bersih 1 F5 kawasan luar bandar kurang tempat hiburan untuk pemuda, kurang pusat beli-belah yang besar, dan tempat rekreasi 1 F6 taraf hidup di luar bandar adalah rendah 1</p> <p>Faktor Menarik</p> <p>F7 lebih peluang pekerjaan 1 F8 keadaan politik yang stabil seperti Malaysia banyak menggalakkan penghijrahan penduduk dari Indonesia, Thailand, dan Filipina 1 F9 . kemudahan perkhidmatan sosial dan perkhidmatan awam yang banyak menarik penduduk 1 F10 kemudahan pengajian tinggi 1 F11 maju dalam kegiatan ekonomi Lembah Klang banyak menarik penduduk 1 F12 gaji tinggi dan tetap 1 F13 taraf hidup tinggi 1 F14 di kawasan bandar - lebih banyak tempat hiburan untuk pemuda 1 F15 banyak pusat beli-belah yang besar, dan tempat rekreasi 1 M (Terima Mana-Mana Munasabah)</p>	1 (6 markah) (mak=6m)
--	---	---------------------------------

	6(a)	Apakah ciri-ciri Zaman Gelap di Eropah?	
		F1 kemerosotan dalam perdagangan kerana serangan orang Viking dan Magyar	1
		F2 ekonomi dan kehidupan merosot	1
		F3 tumpuan pada ekonomi pertanian	1
		F4 perniagaan barang pertanian melalui sistem tukar barang	1
		F5 penggunaan mata wang terhad	1
		F6 tidak wujud pentadbiran pusat yang kukuh dan berkesan	1
		F7 kehidupan yang kacau-bilau membawa kemunculan golongan baron	1
		F8 petani meminta pertolongan daripada tuan tanah	1
		F9 petani terpaksa membayar cukai kepada tuan tanah	1
		F10 petani yang tidak mampu akan menyerahkan tanah kepada tuan tanah dan menjadi hamba	1
		F11 Baron dapat perlindungan daripada raja	1
		F12 Baron bayar cukai pada raja	1
		F13 munculnya sistem feudal	1
		F14 Gereja Katholik sangat berkuasa	1
		F15 Gereja mempunyai harta yang banyak	1
		F16 Gereja memberi tumpuan pada amalan agama dan ilmu akhirat sahaja	1
		F17 Gereja mengongkong hidup masyarakat Eropah	1
		F18 kemerosotan dalam bidang ilmu pengetahuan	1
		F19 kehidupan di bandar menghadapi kemerosotan	1
			(8 markah)
	(b)	Jelaskan perubahan yang berlaku pada zaman kemuncak pertengahan	
		F1 gereja memainkan peranan sebagai institusi yang universal	1
		F2 gereja menjadi ejen penyatuan	1
		F3 berlaku perubahan ekonomi yang ketara	1
		F4 peningkatan aktiviti pertanian	1
		F5 kemunculan perdagangan	1
		F6 kemunculan bandar seperti Milan, Venice dan Florence	1
		F7 Pertambahan penduduk	1
		F8 lahir kelas pertengahan	1
		F9 terdiri daripada artisan, pedagang dan ahli perbankan	1
		F10 status social berasaskan kekayaan	1
		F11 rakyat mula terlibat dalam urusan politik	1
		F12 parlimen diwujudkan bagi memenuhi tuntutan rakyat	1
		F13 memberikan hak politik kepada rakyat	1
		F14 menjalin hubungan rakyat dengan pemerintah	1
			(7 markah)

(c)	Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah boleh dilakukan untuk mengelakkan negara kita daripada mengalami zaman kegelapan. F1 meningkatkan ilmu pengetahuan F2 mengamalkan sikap bertolak ansur F3 bersatupadu F4 melengkapkan diri dengan kemahiran F5 mengamalkan gaya hidup sihat F6 melibatkan diri dengan pembangunan negara F7 mengelakkan gaya hidup negatif F8 mengamalkan budaya inovasi M (mana-mana yang munasabah)	1 1 1 1 1 1 1 1 1 (5 markah)
7 (a)	Jelaskan perubahan konsep kerajaan dan negeri masyarakat Melayu kesan daripada penjajahan Barat. F1 Dalam perjanjian antara kerajaan Melayu dengan kuasa asing, kerajaan disebutkan sebagai negeri dan jajahan takluknya. F2 British merujuk setiap kerajaan Melayu sebagai negeri F3 Konsep kerajaan beransur luput F4 digantikan dengan konsep negeri F5 British menetapkan sempadan setiap kerajaan.	1 1 1 1 1 (4 markah)
(b)	Terangkan ciri-ciri negara dan bangsa yang kita amalkan pada hari ini. F1 Wilayah H1a Kawasan tempat tinggal rakyat H1b Sempadannya yang diterima umum F2 Kedaulatan H2a Merupakan kekuasaan tertinggi terhadap rakyat sesebuah wilayah H2b kekuasaan ini tidak boleh dihadkan oleh mana-mana pihak. H2c ia juga merujuk kepada kekuasaan yang dimiliki oleh sesebuah negara atau pemerintah H2d Hak untuk menggubal dan menguatkuasakan undang-undang H2e Hak menguatkuasakan undang-undang H2f mempunyai hak mutlak terhadap rakyatnya H2g memastikan sesebuah negara bebas daripada campurtangan/paksaan/taklukan/ penjajahan kuasa asing F3 lambang H3a Merupakan simbol atau tanda yang menjadi identiti sesebuah negara H3b Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan H3c Bahasa Melayu sebagai lambang penyatuan negara dan bangsa H3d sistem pemerintahan beraja, H3e Adat istiadat Melayu, H3f Agama Islam	1 1

	H3g merupakan warisan yang dikekalkan sejak zaman KMM H3h Kebesaran sultan dilambangkan dengan alat regalia/nobat/warna/bahasa/undang-undang/protokol / adat istiadat istana F4 keunggulan undang-undang dalam pemerintahan H4a Penguatkuasaan undang-undang merupakan cara formal H4b untuk mengawal masyarakat melalui peraturan yang diwartakan H4c untuk memelihara keamanan H4d untuk melindungi rakyat H4e untuk menentukan struktur kerajaan, kehakiman, bahasa, agama dan kerakyatan F5 Rakyat H5a merupakan seluruh penduduk bagi sebuah wilayah H5b mereka terikat kepada undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan dalam wilayah tersebut F6 Kerajaan H6a Merupakan badan yang diberikan kuasa untuk menguruskan pentadbiran, H6b menjaga keamanan, H6c mempertahankan kedaulatan negara H6d menjalin hubungan dengan negara lain	1 (8 markah)
(c)	Pada pendapat anda, bagaimanakah hasrat membentuk negara dan bangsa berteraskan 1 Malaysia boleh dicapai? F1 Pelaksanaan pendidikan kebangsaan F2 Mengamalkan kebudayaan kebangsaan F3 BM sebagai bahasa kebangsaan F4 Mengamalkan semangat gotong-royong F5 Meneruskan amalan konsep rumah terbuka F6 kegiatan sukan F7 PLKN F8 Klinik 1 Malaysia F9 Kedai Rakyat 1 Malaysia M (Mana-Mana yang munasabah)	1 (8 markah)

8 (a)	Terangkan faktor-faktor pembentukan Malaysia	
	Politik	
	F1 Lee Kuan Yew berminat bergabung dengan Malaysia kerana perkembangan pengaruh sosialis	1
	H1a Parti Sosialis telah memenangi plihanrya Hong Lim pada April 1961	1
	H1b Ancaman komunis telah menjadi alasan yang digunakan oleh LK Yew untuk mendesak British menggabungkan Singapura dengan PTM	1
	F2 Penubuhan Malaysia akan mempercepatkan kemerdekaan Sabah,Sarawak,Singapura dan Brunei	1
	H2a Pada masa itu negara tersebut belum mampu berkerajaan sendiri	1
	H2b Mereka akan dapat menikmati pembangunan sosial,politik dan ekonomi.	1
	F3 Penubuhan Malaysia ialah proses dekolonialisasi British terhadap negeri-negeri kecil yang belum membangun	1
	H3a PTM berpengalaman yang lama dalam membanteras pengaruh PKM	1
Ekonomi	H3b Pengalaman sepanjang tempoh darurat dari tahun 1948-1960	1
	H3c ancaman komunis juga berlaku di Sarawak yang diperjuangkan oleh Clandenstine Communist Organization(CCO)	1
	H3d CCO bermatlamat untuk menjadikan Sarawak sebagai negara komunis.	1
	H3e Penyertaan Sarawak dalam Malaysia diharapkan menjadi benteng yang kukuh bagi menghalang ancaman komunis.	1
Sosial	Ekonomi	
	F4 Mewujudkan satu pasaran yang lebih luas	1
	H4a bagi menggalakkan pelaburan	1
	H4b dan perkembangan industri pertanian.	1
	F5 Kerjasama serantau dalam bidang ekonomi dapat memanfaatkan keistimewaan	1
	H5a dan sumber bahan mentah yang ada di negeri-negeri ini	1
	H5b Tanah Melayu kaya dengan getah dan bijih timah,	1
	H5c Sarawak dan Sabah kaya dengan kayu balak	1
	H5d dan Brunei kaya dengan sumber minyak	1
	Sosial	
	F6 Untuk mengimbangkan jumlah dan kadar pertumbuhan kaum dlm kalangan negeri anggota	1
	H6a dengan memasukkan Sarawak,Sabah dan Brunei ke dalam gabungan itu.	1
		(8 markah)

(b)	<p>Jelaskan reaksi Negara-negara berikut terhadap gagasan Malaysia</p> <p>i. Persekutuan Tanah Melayu</p> <p>F1 menganggapnya sebagai satu usaha murni 1 F2 pengalaman Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka menjadi aset untuk memajukan Malaysia 1 F3 kebanyakannya menyokong tetapi berbeza pendapat dari segi cara pelaksanaan 1 F4 Pas dan Barisan Sosialis mahu idea ini dirunding dalam kalangan penduduk. 1 F5 UMNO bersetuju dengan penggabungan dengan Sarawak,Sabah dan Brunei tanpa Singapura. 1 (4 markah)</p> <p>ii. Filipina</p> <p>F1 Kerajaan Filipina di bawah Presiden Macapagal telah membuat pengumuman rasmi menuntut hak terhadap Sabah 1 F2 Mendakwa Sabah masih milik Kesultanan Sulu 1 F3 Tuntutan berdasarkan perjanjian antara Sultan Sulu dengan Baron Von Overbeck 1 F4 Baron Von Overbeck menjual haknya kepada Alfred Dent yang berjaya memperolehi Piagam Diraja British 1 F5 Syarikat ini dikenali Syarikat Utara Borneo British (SUB) yang memerintah sehingga kedatangan British 1 F6 SUB kemudiannya menyerahkan pemerintahan Sabah kepada kerajaan British 1 F7 Pajakan ini telah diisytiharkan tamat oleh waris Sultan Sulu iaitu Sultan Esmail Kiram 1 F8 Filipina telah mengiktiraf penubuhan Malaysia 1 F9 Pengiktirafan ini diberikan menerusi usaha membaiki hubungan dengan penubuhan MAPHILINDO. 1 (3 markah)</p>	
(c)	<p>Apakah kebaikan penubuhan Malaysia kepada rakyat hari ini.</p> <p>F1 Keluasan Negara bertambah 1 F2 Bilangan penduduk bertambah 1 F3 Jumlah etnik bertambah 1 F4 Pelbagai budaya 1 F5 Pertahanan negara kukuh 1 F6 Komunis dapat dibanteras 1 F7 Penjajahan asing ditamatkan 1 F8 sumber hasil negara bertambah 1 F9 meluaskan pasaran Negara 1 F10 negeri-negeri yang kurang maju dibangunkan 1 M (Mana-Mana yang munasabah) 1 (5 markah)</p>	

9(a)	Terangkan bentuk hubungan luar yang diamalkan di Malaysia. F1 Hubungan bilateral H1a hubungan secara terus dengan negara tertentu H1b mengutamakan hubungan dengan negara jiran seperti Indonesia, Singapura, Thailand H1c hubungan dengan Negara Asia, Afrika, Timur Tengah dan negara maju. F2 Hubungan multilateral H2a hubungan dalam bentuk kumpulan dan pertubuhan H2b seperti Komanwel, PBB, OIC, NAM dan ASEAN	1 1 1 1 1 1 1 (5 markah)
(b)	Terangkan faktor-faktor yang menjadi asas kepada penggubalan dasar luar Malaysia. F1 Faktor sejarah H1a Sejak Zaman Kesultanan Melayu Melaka H1b telah terjalin hubungan berbentuk perdagangan H1c dengan negara luar seperti China, Arab, Siam dan negeri di Kepulauan Melayu. H1d Terjalin hubungan serumpun di kepulauan Melayu termasuklah Indonesia, Brunei, Singapura H1e Malaysia menyertai Petubuhan Komanwel H1f dan meneruskan hubungan diplomatik dengan Britain H1g dan negara Komanwel yang lain. H1h Oleh kerana diancam komunis, H1i Malaysia mengamalkan dasar pro-Barat dan anti-Komunis H1j Malaysia masih bergantung kepada kuasa Barat H1k kerana belum mempunyai keupayaan pertahanan F2 Faktor ekonomi H2a Malaysia mengamalkan pasaran bebas H2b menjalin hubungan dengan negara lain untuk memajukan ekonominya H2c Malaysia menjalin hubungan dengan Britain dan Amerika Syarikat H2d kerana kedua-dua negara merupakan pembeli utama getah dan bijih timah. H2e Malaysia menjalin hubungan dengan Jepun dan Korea H2f untuk meningkatkan pelaburan asing. H2g Mengadakan hubungan dengan negara membangun dan negara Islam H2h untuk meningkatkan pasaran barang Malaysia dan pelaburan di negara berkenaan F3 Faktor politik H3a Malaysia menekankan dasar pemeliharaan kedaulatan negara-negara lain H3b contohnya menyokong Palestin bagi mewujudkan keamanan di Asia Barat H3c Malaysia berpegang teguh pada prinsip dan piagam PBB bagi	1 1

	<p>memelihara keamanan dunia</p> <p>F4 Faktor geografi</p> <p>H4a Malaysia mempunyai kedudukan yang strategik</p> <p>H4b dan bersempadan dengan hampir kebanyakan dengan negara serantau</p> <p>H4c menyebabkan soal keselamatan serantau mempengaruhi dasar luarnya</p> <p>F5 Faktor demografi</p> <p>H5a Malaysia menjalin hubungan dengan negara Islam</p> <p>H5b kerana majoriti penduduknya beragama Islam</p> <p>H5c Malaysia tiada hubungan dengan Israel</p> <p>H5d kerana dasar negara itu yang menceroboh dan menindas peribumi Palestin</p> <p>H5e Sikap komited Malaysia terhadap hak asasi manusia</p> <p>H5f menyebabkan Malaysia menentang keras Dasar Apartheid yang diamalkan di Afrika Selatan</p>	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 (9 markah)
(c)	<p>Sebagai generasi pewaris bangsa bagaimanakah anda mahu mengekalkan kecemerlangan negara Malaysia?</p> <p>F1 meningkatkan ilmu pengetahuan</p> <p>F2 mengamalkan sikap bertolak ansur</p> <p>F3 bersatupadu</p> <p>F4 melengkapkan diri dengan kemahiran</p> <p>F5 mengamalkan gaya hidup sihat</p> <p>F6 melibatkan diri dengan pembangunan negara</p> <p>F7 mengelakkan gaya hidup negatif</p> <p>M (Mana-mana yang munasabah)</p>	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 (6 markah)

